

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 58**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah pengguna yang menggunakan Pas Bulanan Pengangkutan Awam dan adakah jumlah tersebut mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam meringankan kos sara hidup rakyat dan selaras dengan Janji No. 8 dalam Manifesto PRU14 Buku Harapan, inisiatif Pas Bulanan Tanpa Had Perjalanan telah dilancarkan pada 1 Disember 2018 oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad. Di bawah program ini, setiap warganegara Malaysia dapat menikmati semua perkhidmatan bas, BRT dan rel (LRT, MRT, Monorel, tidak termasuk KTM Komuter) yang dikendali oleh Prasarana Malaysia di Lembah Klang tanpa had selama 30 hari dengan melanggani Pas Bulanan Pengangkutan Awam **MY100** dengan bayaran RM100 sahaja. Untuk pengguna bas yang tidak memerlukan perkhidmatan rel, pilihan yang lebih menjimatkan adalah Pas Bulanan **MY50** yang merangkumi semua perkhidmatan bas Prasarana tanpa had di Lembah Klang selama 30 hari. Cara melanggan Pas MY100 dan MY50 adalah melalui fungsi elektronik kad pengenalan MyKad untuk memudahkan rakyat tanpa perlu membeli kad baru.
2. Untuk makluman Dewan, program MY100 dan MY50 dibiayai oleh Kerajaan dengan peruntukan RM240 juta setiap tahun atau RM20 juta setiap bulan, iaitu RM12 juta untuk MY100 dan RM8 juta untuk MY50, masing-masing. Untuk setiap langganan MY100 dengan bayaran RM100, kerajaan membayar kos tambahan (*top-up*) sebanyak RM100 juga kepada Prasarana. Prinsip yang sama terpakai juga untuk program MY50.
3. Sasaran kerajaan adalah supaya lebih daripada 120,000 orang melanggani MY100 setiap bulan. Subsidi kerajaan akan berkurang secara berperingkat apabila jumlah pengguna melepassi tangga 120,000 orang setiap bulan, berdasarkan formula yang ditentukan oleh Kerajaan dan dipersetujui oleh Prasarana.

4. Untuk makluman Dewan, sambutan Pas Bulanan Pengangkutan Awam Tanpa Had di kalangan rakyat adalah sangat menggalakkan. Setakat 15 Mac 2019, jumlah langganan MY100 telah mencecah 238,012 kali terdiri daripada 112,897 orang pelanggan/pengguna yang unik. Jumlah langganan MY50 pula adalah 6,053 kali terdiri daripada 3,539 orang pelanggan/pengguna yang unik. Bilangan pengguna yang aktif menggunakan MY100 dalam tempoh 30 hari yang lepas adalah 130,822 orang. Perincian langganan MY100 dan MY50 adalah seperti berikut:

| <b>Bulan / Jenis Program</b> | <b>MY50</b>  | <b>MY100</b>   |
|------------------------------|--------------|----------------|
| Disember                     | 852          | 34,501         |
| Januari                      | 1,808        | 63,549         |
| Februari                     | 1,828        | 74,733         |
| Mac (setakat 15/3)           | 1,565        | 65,229         |
| <b>JUMLAH</b>                | <b>6,053</b> | <b>238,012</b> |

5. Memandangkan program ini baharu diperkenalkan selama tiga bulan, kerajaan yakin sasaran 120,000 orang pengguna MY100 akan tercapai pada tahun ini. Aktiviti promosi yang lebih giat melalui pelbagai saluran akan dijalankan. Kerajaan juga dalam persediaan memperluaskan pelaksanaan Pas Bulanan Pengangkutan Awam ke bandar-bandar di luar Lembah Kelang agar penggunaan pengangkutan awam di kalangan rakyat dapat bertambah dan bebanan kos sara hidup dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.